

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA
MAJLIS ANUGERAH PENGIKTIRAFAN**

**PEROLEHAN RM1 JUTA KOPERASI
SEKOLAH**

23 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

2.30 PETANG

SMK SUBANG BESTARI SHAH ALAM

Bismillahirrahmaanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan
Salam Koperasi

Terima Kasih Pengacara Majlis

[SALUTASI TERKINI AKAN DILETAKKAN DI ATAS ROSTRUM]

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat berhimpun pada hari ini sempena Majlis Pengiktirafan Perolehan

RM1 Juta Koperasi Sekolah Koperasi SMK Subang Bestari Shah Alam Berhad.

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syabas atas kejayaan Koperasi SMK Subang Bestari Shah Alam Berhad kerana telah menjadi salah satu

koperasi yang berjaya mencapai jualan melebihi sejuta.

3. Program pengiktirafan anjuran ANGKASA ini merupakan salah satu bentuk penghargaan kepada Koperasi SMK Subang Bestari Shah Alam Berhad atas usaha cemerlang pemimpin dan

anggota koperasi sekolah dalam memajukan perniagaan koperasi biarpun mempunyai tugas dan tanggungjawab di sekolah. ANGKASA percaya bahawa dedikasi ini amat penting bagi individu untuk menjadi usahawan yang berjaya.

Hadirin hadirat pelajar yang dikasihi sekalian,

4. Dari dulu hingga kini, sektor koperasi memainkan peranan besar dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat Malaysia dan menjadi sektor ketiga

penyumbang ekonomi negara. Dalam hal ini, gerakan koperasi sekolah juga memainkan peranan penting setaraf dengan koperasi dewasa.

5. Koperasi sekolah memberi peluang kepada pelajar untuk mengembangkan

kebolehan dan bakat mereka khususnya dalam bidang keusahawanan. Adalah penting untuk pelajar memahami bahawa menjadi seorang usahawan yang berjaya, bukan keuntungan semata – mata yang diberi perhatian. Nilai seperti amanah, jujur,

prihatin, gigih dan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan adalah penting.

6. Nilai-nilai ini selaras dengan matlamat kerajaan untuk melahirkan usahawan cemerlang yang boleh menyumbang kepada ekonomi dan menjadikan

Malaysia sebuah Negara
Keusahawanan menjelang 2030, seperti
yang digariskan dalam Dasar
Keusahawanan Negara 2030
(DKN2030).

7. Peranan yang boleh dimainkan koperasi sekolah kini, bukan sahaja untuk menerapkan prinsip-prinsip dan jati diri koperasi, tetapi ia juga selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berpaksikan kepada melahirkan modal insan yang seimbang

dari segi rohani, jasmani, emosi dan intelek.

8. Selain itu, dengan angka keanggotaan koperasi sekolah yang agak memberangsangkan, saya percaya koperasi sekolah juga mampu

membantu kerajaan menangani isu-isu yang berkaitan dengan kepenggunaan. Contohnya, penjualan barang keperluan pada harga yang berpatutan dengan bekalan terjamin melalui program Barang Asas 100 (BA100). BA adalah jualan harga

barangan runcit seperti beras, minyak, gula dan lain-lain untuk keperluan guru-guru dan kakitangan dengan harga yang berpatutan seperti yang disarankan oleh kerajaan.

9. Oleh sebab manfaat ini jugalah ANGKASA sentiasa memberikan fokus kepada pembangunan koperasi sekolah baik dari segi membangunkan sahsiah dan juga membangunkan aktiviti perniagaannya agar dapat terlibat dengan sektor berimpak tinggi.

**Hadirin hadirat pelajar yang dikasihi
sekalian,**

10.Saya difahamkan Koperasi SMK
Subang Bestari Shah Alam Berhad, yang
mula beroperasi pada tahun 2010 di

bawah bimbingan Puan Pengetua Norhazliza Binti Basiran, secara aktif menggalakkan penglibatan murid dan gurunya dalam aktiviti koperasi dengan menjalankan beberapa perniagaan koperasi di sekolah.

11. Selain daripada itu, sokongan padu terhadap Koperasi SMK Subang Bestari Shah Alam Berhad terbukti dengan bilangan pelajar yang tinggi iaitu menghampiri 3 ribu orang. Ini memberi kelebihan yang ketara kepada koperasi. Saya difahamkan juga

bahawa sehingga September 2023, Kosubest mempunyai 2091 ahli. Koperasi ini diketuai oleh **10** orang guru, **5** daripadanya berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Koperasi, dan **9** Ahli Lembaga Koperasi pelajar yang juga merupakan antara **68** Koperasi. Dengan

keanggotaan yang begitu besar, perniagaan koperasi boleh memberi impak yang besar kepada perkembangannya.

12. Di samping itu, koperasi ini juga terlibat secara aktif dalam pelbagai aktiviti ekonomi dan keusahawanan,

memberikan pengalaman perniagaan yang berharga kepada anggotanya. Antara usaha keusahawanan yang menguntungkan yang diusahakan oleh koperasi itu termasuk menganjurkan bazar koperasi, bazar guru, menjual jambangan bunga pada hari

pengumuman keputusan SPM, jualan sambutan hari guru, dan menjual pakaian unit badan beruniform. Aktiviti sebegini berfungsi untuk memupuk minda keusahawanan di kalangan anggota koperasi.

13. Koperasi SMK Subang Bestari Shah Alam Berhad juga mengutamakan kesejahteraan anggotanya dengan memberikan pelbagai sumbangan tabungan kepada pihak sekolah. Sumbangan tabungan ini termasuk tabung kebajikan koperasi, tabung

keceriaan sekolah, tabung keraian, tabung kedai buku, tabung aktiviti luar, dan juga tabung pelancongan pendidikan. Usaha sebegini harus diberi pujian kerana kita tahu, koperasi bergerak bukan sekadar mencari keuntungan semata – mata malah

kebajikan anggota adalah keutamannya.

14. Saya juga difahamkan bahawa koperasi ini telah berjaya mengendalikan **5** jenis perniagaan koperasi sekolah. Ini termasuk kedai

koperasi yang menjual barangan runcit, kedai buku (KBS) yang menjual buku dan kelengkapan barang sekolah, makanan yang dibekalkan oleh katerer koperasi, perkhidmatan percetakan, dan pengangkutan untuk pelajar yang keluar untuk menghadiri pertandingan.

Perkembangan premis ini berpotensi menjana pendapatan koperasi, dan diharapkan koperasi dapat mengekalkan tahap kecemerlangan ini pada tahun seterusnya.

Hadirin hadirat, para pelajar yang dikasihi sekalian,

15. Sekali lagi, sebagai Presiden ANGKASA, mewakili seluruh kepimpinannya, saya ucapkan tahniah dan syabas atas komitmen anda semua

dalam menjadikan koperasi sekolah sebagai platform berkesan mendidik dan membentuk anak – anak kita dengan nilai keushawanan koperasi.

16. Semoga kejayaan seperti ini diteruskan dan menjadi inspirasi kepada

koperasi sekolah yang lain untuk berjaya dalam aktiviti perniagaan masing-masing.

17. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan setinggi penghargaan kerana kesudian menjemput saya ke

majlis ini. Saya dengan ini merasmikan
Majlis Pengiktirafan Perolehan RM1 Juta
Koperasi SMK Subang Bestari Shah Alam
Berhad.

Sekian, wabillahitaufiq walhidayah.
Wassalamualaikum WBT.